

19 JUN 1999

Umno-Usul (Agama)

ULAMA PAS PERNAH MUNGKIR JANJI, KATA BEKAS PEMIMPIN S46

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Tindakan Pas mengkhianati janjinya kepada Parti Melayu Semangat 46 (S46) berhubung pembentukan kerajaan bersama Kelantan selepas pilihan raya umum 1990, didedahkan pada Perhimpunan Agung Umno di sini hari ini.

Wakil Terengganu, Haji Ibrahim Azmi Hassan berkata bahawa pada ketika itu, Pas berjanji untuk memberikan jawatan Timbalan Menteri Besar Kelantan kepada S46 tetapi sebaliknya ia belot dan mengambil jawatan itu.

Ibrahim, yang pada masa itu naib presiden S46, berkata sukar baginya untuk percaya bahawa orang alim dalam Pas sanggup mungkir janji tetapi setelah menerima hakikat kebenaran itu, beliau mengalirkan air mata.

"Saya tidak berbohong, saya sanggup masuk masjid junjung Quran dan bersumpah dengan nama Allah," katanya ketika berucap membentangkan usul agama dan sosial pada perhimpunan agung ke 53 di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Ibrahim berkata bahawa akibat mungkir janji Pas itu, S46 sukar untuk menjelaskan kepada semua anggota parti itu mengenai persetujuan yang dicapai oleh kedua-dua parti itu berhubung pembentukan kerajaan Kelantan.

Bagi mengatasi kerumitan yang timbul itu, beberapa perundingan dan mesyuarat diadakan antara kedua-dua parti untuk melantik Menteri Besar Kedua dari S46 tetapi Pas enggan menerima cadangan itu, katanya.

Akhirnya mereka mencapai persetujuan agar Timbalan Menteri Besar Kedua dari S46 dilantik "secara olok-olok" untuk meredakan kemarahan anggota parti S46.

Ibrahim meminta umat Islam menilai dengan baik perbuatan Pas itu kerana Islam melarang umatnya mungkir janji dan nabi Muhammad S.A.W. sendiri pernah bersabda yang bermaksud bahawa : "Tidak ada iman bagi orang yang tidak ada amanah dan tidak ada agama bagi sesiapa yang tidak menunaikan janji."

Usul agama dan sosial menggesa anggota Umno untuk bersama dengan kerajaan mengawasi institusi agama dan pendidikan agar tidak digunakan oleh pembangkang menyebarkan fahaman sempit dan bertentangan dengan akidah Islam.

Usul itu turut mengecam sekeras-kerasnya sikap tidak bertanggungjawab pertubuhan politik sempit yang mengeksploitasi agama untuk kepentingan parti dengan mengorbankan nilai suci Islam sehingga sanggup memaki hamun dan mengkafirkan orang Islam lain.

Wakil Pulau Pinang Haji Othman Desa semasa menyokong usul itu meminta umat Islam di negara ini meneliti semua rancangan kemajuan Islam yang telah dilaksanakan oleh Umno berbanding apa yang dibuat oleh Pas.

Antara projek itu ialah Universiti Islam Antarabangsa, yang sebenarnya merupakan ide Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari peringkat awal hingga ia menjadi kenyataan.

Othman berkata, kerajaan Barisan Nasional tidak menolak undang-undang hudud tetapi membuat perancangan cermat berdasarkan kaedah mana yang lebih utama untuk didahulukan.

Beliau meminta umat Islam di negara ini sedar bahawa "kerajaan sayang kepada mereka" dengan melaksanakan rancangan Islam yang komprehensif dan, dengan itu, mereka hendaklah membalas budi dan jasa kerajaan itu dengan terus menyokongnya.

Othman berharap kerajaan akan bertindak tegas terhadap pihak pembangkang yang menggunakan masjid untuk menghentam kerajaan melalui

khutbah Jumaat.  
-- BERNAMA  
AFY MAI